

# Gaji minimum: Kerajaan tidak berganjak

Tetap dilaksana berkuat kuasa 1 Mei, tiada penundaan mana-mana sektor

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM

SHAH ALAM

Kerajaan memutuskan tidak akan memberikan sebarang penundaan kepada mana-mana sektor ekonomi atau jenis pekerjaan dalam pelaksanaan gaji minimum RM1,500.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan berkata, pelaksanaan gaji minimum tetap dilaksanakan berkuat kuasa 1 Mei ini bagi syarikat yang mempunyai lebih lima pekerja, manakala 1 Januari 2023 untuk majikan dengan pekerja kurang daripada jumlah tersebut.

Menurut beliau, kerajaan belum ini telah memberikan bantuan kepada majikan melalui pakej bantuan Covid-19 seperti Program Subsidi Upah yang berupaya mengekalkan perniagaan dan pekerjaan.

"Ini (pelaksanaan gaji minimum) juga bagi memastikan pekerja mendapat manfaat daripada

peningkatan gaji minimum," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Menerusi perwartaan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 yang dibuat pada 27 April lalu, pelaksanaan gaji minimum yang akan berkuat kuasa pada Mei ini akan melibatkan majikan yang mengajikan lima orang pekerja atau lebih. Pelaksanaan itu juga akan membabitkan majikan menjalankan sesuatu aktiviti profesional yang dikelaskan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (Malaysia Standard Classification of Occupations, MASCO).2020.

Selain itu, warta tersebut memaklumkan pengecualian pelaksanaan gaji minimum RM1,500 pada 1 Mei ini bagi majikan yang mengambil pekerja kurang daripada lima orang dan pelaksanaannya hanya berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Saravanan berkata, kelonggaran tersebut diberikan bagi memberi peluang kepada majikan kategori tersebut untuk membuat persediaan sewajarnya.

Dalam pada itu, kadar gaji minimum kepada seseorang pekerja mengikut kawasan tempat kerja bagi tempoh mulai 1 Mei hingga 31 Disember ini ialah

FOTO AWANI



SARAVANAN

RM1,200 bagi Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran manakala RM1,100 bagi kawasan selain Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran.

Saravanan berkata, turut diperincikan dalam PGM 2022 alah kadar gaji minimum harian dan jam serta kadar gaji bagi pekerja yang tiada gaji pokok tetapi dibayar melalui tugas dan produktiviti seperti komisen dan upah ikut kerja.

Tambahnya, pelaksanaan gaji minimum ini tidak terpakai kepada perkhidmatan domestik sebagaimana PGM terdahulu.

"Penguatkuasaan gaji minimum akan dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, semua majikan diminta mematuhi pelaksanaan gaji minimum baharu ini."

"Kerajaan turut menjangka peningkatan gaji minimum ini akan memberi impak positif kepada negara, pihak majikan dan pihak pekerja yang akan membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi negara."

"Peningkatan gaji minimum juga akan membantu mencapai hasrat Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030," katanya.